

Cabaran Usahawan Kurang Upaya (UKU) dalam Dunia Perniagaan

Suhaila Nadzri^{1*}, Muhammad Firdaus Muhammad Sabri¹ dan Salina Mohammed Rashid¹

¹Jabatan Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Islam Selangor

*Pengarang koresponden: suhaila.nadzri@kuis.edu.my

ABSTRAK

Bekerja sendiri atau melibatkan diri dalam dunia keusahawanan merupakan kerjaya tradisi orang kelainan upaya (OKU) untuk mencari rezeki kerana kesukaran mencari pekerjaan. Senario semasa menunjukkan terdapat banyak kajian berkaitan Usahawan Kurang Upaya (UKU) yang telah dijalankan. Walau bagaimanapun, kajian berkaitan cabaran keusahawanan yang dihadapi oleh golongan ini masih baru dan perlu dikaji secara mendalam. Mengenal pasti cabaran utama adalah penting bagi usahawan kurang upaya untuk membolehkan mereka menyusun strategi, menetapkan keutamaan dan mengenal pasti sistem sokongan yang boleh membantu mereka bertahan. Sehubungan itu, tujuan artikel ini adalah untuk membincangkan cabaran-cabaran yang berkaitan keusahawanan dalam kalangan UKU melalui sorotan kajian-kajian lepas. Beberapa artikel telah dipilih dan dianalisis daripada dua pangkalan data iaitu *Scopus* dan *Google Scholar*. Data yang diperolehi dikumpulkan dalam bentuk tematik. Dapatan menunjukkan terdapat dua faktor utama yang berkaitan dengan cabaran UKU iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman yang menjadi cabaran UKU pula terbahagi kepada dua iaitu faktor peribadi dan organisasi. Manakala faktor luaran yang memberi cabaran kepada UKU terbahagi kepada enam faktor iaitu diskriminasi, faktor kewangan, persekitaran, infrastruktur, kurang latihan dan sokongan. Artikel ini diharapkan dapat menyumbang kepada dasar kerajaan khususnya kepada pihak yang berkepentingan untuk mencari alternatif dalam meningkatkan penglibatan golongan ini dalam aktiviti keusahawanan. Kerajaan juga dicadangkan menambah baik sistem sokongan sedia ada agar Usahawan Kurang Upaya dapat berdaya saing dalam industri dan mengurangkan masalah yang dihadapi.

Kata kunci: Keusahawanan, Orang Kurang Upaya (OKU), Usahawan Kurang Upaya (UKU), cabaran luaran, cabaran dalaman.

1. PENGENALAN

Orang Kurang Upaya (OKU)

Statistik menunjukkan kira-kira satu bilion orang, atau 15 peratus daripada populasi dunia, mengalami beberapa bentuk kecacatan (Bank Dunia, 2023). Manakala mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (2022) jumlah populasi OKU menunjukkan peningkatan yang ketara, yang mana antara 110 hingga 190 juta, atau 1 daripada 6 orang di seluruh dunia mengalami keadaan kurang upaya yang sangat ketara.

Terdapat pelbagai istilah yang digunakan untuk merujuk kepada definisi orang kurang upaya (OKU). Istilah ini biasanya digunakan untuk merujuk kepada seseorang yang mengalami pergerakan terhad (pergerakan) sama ada fizikal (anggota badan), mental (ringan, sederhana atau teruk), penglihatan dan pendengaran (Ab. Rahman et al. (2020). Manakala menurut Dhar & Tahara (2017), kecacatan ialah kesukaran atau batasan dalam aktiviti yang dihadapi oleh seseorang dalam melaksanakan sesuatu tindakan atau tugas; sekatan dalam penyertaan atau penglibatan dalam aktiviti kehidupan. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) (2022), OKU merujuk kepada individu yang tidak dapat memenuhi sepenuhnya atau sebahagian

keperluan kehidupan sosialnya kerana kekurangan keadaan fizikal atau mental yang boleh berlaku sebelum atau selepas kelahiran.

Seterusnya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia (MWFCDD) (2016) menyatakan OKU merupakan golongan yang mempunyai kecacatan jangka panjang dari segi fizikal, mental, intelek atau deria dan apabila berhadapan dengan pelbagai halangan boleh menyebabkan mereka tidak dapat melibatkan diri secara menyeluruh dan berkesan dalam masyarakat. Manakala, Akta Orang Kurang Upaya 2008 (OKU) memberikan takrifan yang lebih jelas. Menurut akta ini OKU merangkumi mereka yang mengalami kecacatan jangka panjang fizikal, mental, intelek atau deria, menghalang penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat apabila berhadapan dengan cabaran (MyGovernment, 2022; Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2014).

OKU boleh dibahagikan kepada tiga kategori berbeza, seperti mereka yang kurang keupayaan mental, mereka yang memerlukan perhatian khusus untuk kesukaran kestabilan emosi, dan mereka yang cacat fizikal termasuk buta atau terhalang pandangan, pekak atau kesukaran mendengar dan sebarang kecacatan anggota badan (Shalini & Wee 2011). Manakala, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2022) menyatakan OKU diklasifikasikan kepada tujuh kategori iaitu cacat pendengaran, penglihatan, pertuturan, fizikal atau anggota badan, pembelajaran, mental dan pelbagai kecacatan.

Jadual 1: 1 Kategori OKU

No.	Kategori	Kod	Penerangan
1.	Kecacatan pendengaran/Kurang upaya	DE	<ul style="list-style-type: none"> a. Kehilangan pendengaran kedua-dua belah telinga b. Pekak satu sisi (SSD)/Kehilangan pendengaran unilateral yang mendalam c. Kecacatan telinga kekal/sindrom berkaitan telinga /sindrom berkaitan pendengaran contoh.: microtia, atresia, anotia, treacher collins, sindrom goldenhar dsb.
2.	Kecacatan Penglihatan/Kurang upaya	BL	<ul style="list-style-type: none"> a. Terhadap kedua-dua belah mata b. Buta di kedua belah matanya c. Buta sebelah mata d. Kecacatan penglihatan kekal lain (contoh.: albinisme)
3.	Kecacatan pertuturan/Kurang upaya	SD	<ul style="list-style-type: none"> a. Gangguan Komunikasi Kompleks b. Kanak-kanak: pertuturan kanak-kanak dan gangguan bahasa Dewasa: afasia c. Gangguan Pertuturan Motor (cth.: Apraxia, Dysarthria) d. Gangguan Suara (cth.: Disfonia/ Afonia) e. Gangguan kefasihan (cth: Gagap Berantakan) f. Gangguan Resonans (Hypernasality, Hyponasality disebabkan oleh Cleft Palate, masalah neurologi disfungsi velopharyngeal dan Oromandibular dystonia)
4.	Kecacatan fizikal/ Kurang upaya	PH	<ul style="list-style-type: none"> a. Kecacatan Anggota Badan (Diperolehi / Kongenital) b. Kecederaan saraf tunjang c. Strok d. Kerdil (Achon-droplasia) e. Kecederaan otak trauma f. Cerebral Palsy (masalah pergerakan dan postur) (cth.: Hemiplegia, Diplegia, Quadriplegia & lain-lain) g. Lain-lain (contoh: Distrofi otot Duchenne dan penyakit kronik yang menyebabkan kecacatan fizikal)
5.	Masalah pembelajaran/ketidakupayaan	LD	<ul style="list-style-type: none"> a. Kelewatan pembangunan global (Global developmental delay - GDD) b. Sindrom Down

			<ul style="list-style-type: none"> c. Gangguan hiperaktif kekurangan perhatian (ADHD) d. Autisme (gangguan spektrum autisme) e. Intelektual (rencat akal) f. Kurang Upaya Pembelajaran Khusus (LD Khusus) (Disleksia, Dyscalculia, Disgraphia)
6.	Kecacatan mental/ Ketidakupayaan	ME	<ul style="list-style-type: none"> a. Gangguan mental organik kronik (Demensia dalam penyakit Alzheimer, demensia vaskular dan gangguan mental lain akibat kerosakan dan disfungsi otak) b. Skizofrenia, Schizotypal dan Gangguan Delusional c. Gangguan Mood (Gangguan afektif bipolar, gangguan kemurungan berulang, gangguan mood berterusan dan gangguan mood lain). d. Gangguan Kebimbangan Teruk (Gangguan kebimbangan fobia-Fobia, gangguan panik, gangguan kebimbangan umum, kebimbangan bercampur dan gangguan kemurungan dan gangguan obsesif-kompulsif (OCD).
7.	Kemerosota berbilang/ kurangupaya	MD	Mempunyai lebih daripada satu jenis kecacatan.

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat (2022).

Ketika ini di Malaysia, kira-kira 633,653 OKU berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga 31 Disember 2022. Selangor merupakan negeri dengan jumlah OKU tertinggi iaitu 103,900 iaitu 16.4 peratus daripada jumlah keseluruhan OKU di Malaysia. Kecacatan fizikal (atau kecacatan) merupakan kategori OKU tertinggi di Selangor, yang meliputi sebanyak 39,328 atau 37.9 peratus daripada semua OKU berdaftar di negeri ini.

Jadual 2: Perangkaan pendaftaran OKU mengikut negeri dan kategori.

No.	Negeri	Penglihatan	Pendengaran	Pertuturan	Fizikal	Pembelajaran	Mental	Pelbagai	Jumlah
1	JOHOR	5,852	4,623	410	25,689	26,587	6,927	3,381	73,469
2	KEDAH	5,697	3,569	361	20,676	17,559	4,469	2,555	54,886
3	KELANTAN	3,976	2,783	300	12,694	18,218	4,800	2,230	45,001
4	MELAKA	2,092	2,468	132	10,859	10,236	2,068	876	28,731
5	NEGERI SEMBILAN	2,168	1,978	105	10,848	9,660	2,314	1,367	28,440
6	PAHANG	3,343	2,129	234	13,197	14,287	2,470	1,787	37,447
7	PERAK	4,782	3,577	222	19,465	18,991	5,611	2,455	55,103
8	PERLIS	817	434	87	2,668	3,055	927	311	8,299
9	PULAU PINANG	3,509	2,740	118	14,382	11,516	2,261	1,276	35,802
10	SABAH	3,369	2,917	367	10,468	18,477	3,137	2,443	41,178
11	SARAWAK	4,781	2,797	257	11,782	16,569	4,908	1,688	42,782
12	SELANGOR	7,568	6,682	422	39,328	37,793	6,822	5,285	103,900
13	TERENGGANU	2,719	2,419	167	8,962	13,552	2,293	1,467	31,579
14	W.P. KUALA LUMPUR	4,151	3,290	161	16,642	16,181	3,104	1,547	45,076
15	W.P. LABUAN	131	88	24	456	1,079	98	84	1,960
JUMLAH		54,955	42,494	3,367	218,116	233,760	52,209	28,752	633,653

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat (2022).

Jadual 3: Statistik pendaftaran OKU mengikut jantina dan kategori

No.	Jantina	Penglihatan	Pendengaran	Pertuturan	Fizikal	Pembelajaran	Mental	Pelbagai	Jumlah
1	Lelaki	34,991	23,149	2,165	146,638	158,134	31,503	17,470	414,050
2	Perempuan	19,964	19,345	1,202	71,478	75,626	20,706	11,282	219,603
Jumlah		54,955	42,494	3,367	218,116	233,760	52,209	28,752	633,653

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat (2022).

Jadual 4: Statistik pendaftaran OKU mengikut umur dan kategori

No.	Umur	Penglihatan	Pendengaran	Pertuturan	Fizikal	Pembelajaran	Mental	Pelbagai	Jumlah
1	Kurang daripada 6 tahun	198	487	15	1,383	6,121	2	918	9,124
2	6 - 12 tahun	1,348	2,011	446	6,025	54,758	9	4,805	69,402
3	13 - 18 tahun	2,106	2,489	612	6,685	55,120	68	4,232	71,312
4	19 - 21 tahun	1,407	1,374	188	4,031	23,325	201	1,428	31,954
5	22 - 35 tahun	7,987	8,513	501	28,983	63,980	7,679	5,835	123,478
6	36 - 45 tahun	7,166	6,783	428	30,286	15,984	13,790	3,311	77,748
7	46 - 59 tahun	13,408	8,782	610	58,266	10,746	19,396	4,084	115,292
8	60 dan ke atas	21,335	12,055	567	82,457	3,726	11,064	4,139	135,343
JUMLAH		54,955	42,494	3,367	218,116	233,760	52,209	28,752	633,653

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat (2022).

Jadual 5: Statistik pendaftaran OKU mengikut etnik dan kategori.

Nu m	Kumpulan Etnik	Penglihatan	Pendengaran	Pertuturan	Fizikal	Pembelajaran	Mental	Pelbagai	Jumlah
1	Melayu	32,465	23,683	2,141	124,796	158,142	28,179	17,417	386,823
2	Cina	10,246	10,270	416	41,836	33,085	13,881	4,946	114,680
3	India	5,323	3,895	223	32,256	10,871	4,600	2,720	59,888
4	Orang Asli (Semenanjung)	210	94	20	789	2,868	161	173	4,315
5	Lain-lain	6,711	4,552	567	18,439	28,794	5,388	3,496	67,947
JUMLAH		54,955	42,494	3,367	218,116	233,760	52,209	28,752	633,653

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat (2022).

Lazimnya, OKU lebih berkemungkinan mengalami hasil sosioekonomi yang buruk seperti pendidikan yang kurang, kesihatan yang lebih buruk, tahap pekerjaan yang lebih rendah, dan kadar kemiskinan yang lebih tinggi berbanding dengan orang normal (Bank Dunia, 2023). Oleh itu, keadaan ini mewujudkan ruang untuk ketidakadilan antara OKU dan orang normal. Ketidaksamaan ini adalah akibat daripada keadaan tidak adil yang mereka hadapi termasuk stigma dan diskriminasi, kemiskinan, pengasingan daripada pendidikan dan pekerjaan, dan halangan dalam sistem kesihatan (WHO, 2022).

Oleh itu, untuk mengatasi cabaran pekerjaan, Bank Dunia telah menyediakan beberapa pelan strategik untuk mengembangkan kesaksamaan, peluang dan untuk membina komuniti inklusif yang mampan untuk mengurangkan kemiskinan tegar dan menggalakkan kemakmuran bersama. Di samping itu, perancangan juga dijalankan yang memberi tumpuan kepada menggalakkan akses OKU kepada kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan sosial, pemulihan, pembangunan kemahiran, mewujudkan peluang ekonomi dan pekerjaan. Strategi tersebut direka untuk memastikan bahawa kepentingan orang kurang upaya dilindungi dan diberi perhatian (Bank Dunia, 2023).

Di Malaysia, untuk mengatasi cabaran pekerjaan bagi OKU, kerajaan telah mewujudkan beberapa inisiatif seperti dasar satu peratus untuk pekerjaan dalam sektor awam pada tahun 1988, Kod Amalan Orang Kurang Upaya di sektor swasta pada tahun 2001, Pelan Tindakan untuk Orang Kurang Upaya 2016-2022, dan Skim Pekerjaan Orang Kurang Upaya (SPOKU). Bagaimanapun, hanya empat daripada 24 kementerian telah mencapai kuota satu peratus (The News Straits Time, 2021). Bagi sektor swasta di negara ini pula, masih sangat sedikit pekerja OKU yang diambil bekerja (Aizan & Jamiah, 2015). Punca sebahagian besarnya disebabkan majikan tidak mengetahui faedah yang bakal mereka perolehi jika mengambil pekerja OKU dan akibatnya OKU tidak diambil bekerja (Tiun & Khoo, 2013). Oleh kerana peluang kerjaya yang terhad, OKU mula menceburi bidang keusahawanan dan akhirnya kerjaya ini dianggap sebagai kerjaya tradisional mereka.

Keusahawanan Orang Kurang Upaya (UKU)

Keusahawanan dan bekerja sendiri adalah dua istilah yang berbeza. Terdapat banyak cara untuk menggambarkan keusahawanan; ada pihak yang menganggapnya sebagai proses mencipta perniagaan yang berjaya, manakala di pihak yang lain melihatnya sebagai pembangunan sikap dan kebolehan. Konsep keusahawanan ini adalah satu kegiatan yang tersusun (Juliyani 2016) dan proses mengenal pasti dan merebut peluang-peluang perniagaan (Nor Azira 2016, Sarimah Hanim et al. 2016) di bawah keadaan berisiko (Mohd Aariffin & Norazmi Anas 2021; Hussain & Dawood 2020; Sarimah Hanim et al. 2016) untuk memenuhi keperluan pengguna (Juliyani 2016). Ia juga berkaitan cara untuk menjadi kreatif, mengenal pasti, merancang serta melaksanakan perancangan dan memulakan perniagaan (Yahya 2014) untuk menghasilkan dan menjual barang dan perkhidmatan (Mohd Aariffin & Norazmi Anas 2021; Juliyani 2016). Walau bagaimanapun, matlamat akhir definisi keusahawanan adalah untuk menghasilkan peluang pekerjaan dan membawa kepada pembangunan ekonomi (Barot, 2015; Hessels & Naudé, 2019). Selain daripada itu, keusahawanan mesti menggunakan sumber manusia yang mempunyai kemahiran pengurusan dan teknikal (Barot, 2015; Chang & Chen, 2015).

Bekerja sendiri pula ditakrifkan sebagai melakukan kerja untuk keuntungan peribadi dan bukannya untuk upah yang dibayar oleh orang lain (Le, 1999). Ia boleh menyumbang kepada

penyertaan dalam ekonomi umum, pertumbuhan ekonomi, perubahan sikap, peningkatan kualiti hidup, kemerdekaan, autonomi, dan pemerksaan (Harris et al. 2014).

Pasaran buruh kebanyakan negara membangun dikuasai oleh pelbagai jenis pekerjaan sendiri yang antaranya adalah pemilik perniagaan runcit dan peniaga kecil (Falco & Haywood 2016). Justeru, pekerjaan sendiri ini sering dikaitkan dengan bidang keusahawanan (Lai & Nurul Aida 2020). Oleh itu, dalam artikel ini istilah "usahawan" digunakan untuk menggambarkan kedua-dua individu yang bekerja sendiri dan pemilik perniagaan yang mengupah kakitangan dan/atau mengendalikan syarikat mereka sebagai satu pasukan. Keusahawanan dan bekerja sendiri sering dilihat sebagai peluang untuk mencari pekerjaan dan mencari rezeki kerana orang kurang upaya kadangkala menghadapi masalah untuk memasuki alam pekerjaan.

Keusahawanan merupakan asas penting penglibatan ekonomi bagi mereka yang kurang upaya (Renko et al., 2016). Penyelidikan menunjukkan usahawan kurang upaya (UKU) mempunyai pelbagai kelebihan berbanding pekerja bergaji, seperti fleksibiliti dalam menguruskan kesihatan mereka. Oleh itu, melalui keusahawanan, OKU boleh mewujudkan sara diri mereka sendiri, kebebasan dalam aktiviti perniagaan, meningkatkan keseimbangan kerja-kehidupan, kebahagiaan dan kepuasan kerjaya, meningkatkan peluang dan pendapatan, serta meningkatkan kualiti hidup (Halabisky, 2014).

Walau bagaimanapun, UKU masih menghadapi beberapa cabaran apabila memasuki sektor perniagaan (Ashley & Graf, 2017; Hwang & Roulstone, 2015). Terdapat dua kategori cabaran yang dihadapi UKU iaitu halangan luaran dan dalaman yang telah memberi kesan kepada kebolehan saingan UKU dalam aktiviti keusahawanan. Ezarina Zakaria et al. (2018) mendapati tiga cabaran utama yang dihadapi oleh usahawan kurang upaya fizikal seperti kekurangan akses kepada maklumat, implikasi ketidakupayaan fizikal dan cabaran dwiperanan. Dhar dan Farzana (2017) mendapati terdapat enam jenis halangan keusahawanan dalam kalangan OKU seperti cabaran peribadi, alam sekitar, kewangan, operasi, infrastruktur dan maklumat. Manakala, Caldwell, Harris dan Renko (2019) mendapati terdapat enam jenis cabaran atau halangan dalam keusahawanan seperti kewangan/ekonomi, sikap, jangkaan tradisional, kesediaan menghadapi halangan dan pertumbuhan, sistematik, dan kekurangan sokongan.

Penyataan Masalah

Pada masa ini, OKU sering menghadapi masalah mencari pekerjaan walaupun pelbagai tindakan telah dilaksanakan oleh kerajaan. Dasar satu peratus yang dilaksanakan kerajaan Malaysia misalnya gagal mengatasi pengangguran dalam kalangan OKU di Malaysia. Bahkan ia hanya mencapai 0.4 peratus walaupun sudah lebih tiga dekad diperkenalkan (Berita Harian, Oktober 2021). Ini menunjukkan hampir semua OKU terjejas dan tidak diberi peluang yang banyak dalam sektor pekerjaan sehinggakan golongan ini memilih untuk bekerja sendiri atau melibatkan diri dalam bidang keusahawanan sebagai alternatif untuk terus hidup. Akhirnya, secara tidak langsung, keusahawanan menjadi kerjaya tradisional OKU (Svidron L.M., 2021).

Seterusnya golongan ini juga terus berdepan dengan pelbagai cabaran dalaman dan luaran dalam bidang keusahawanan yang menyukarkan mereka untuk bersaing dengan usahawan yang normal. Akibat persekitaran yang sukar, ia menghalang penyertaan OKU yang berkesan, menyeluruh dan sama rata dalam masyarakat (WHO, 2022). Di samping itu, kajian berkaitan OKU yang bekerja sendiri dan menjalankan aktiviti keusahawanan masih agak terhad

yang mengakibatkan kesukaran untuk mengenal pasti faktor-faktor kritikal yang menjadi cabaran golongan UKU dalam kelangsungan dan kebolehsaingan mereka dalam perniagaan (Norstedt & Germundsson, 2021).

Oleh itu, artikel ini ditulis bagi membincangkan tinjauan literatur yang berkaitan cabaran yang dihadapi oleh golongan OKU dalam dunia keusahawanan.

2. METODOLOGI

Kira-kira enam puluh artikel berkaitan cabaran keusahawanan OKU ditemui dalam carian di *Scopus* dan *Google Scholar*. Data yang dikumpul meliputi artikel yang telah ditulis di seluruh dunia dari tahun 2005 hingga 2022. Artikel yang dipilih untuk kertas kerja ini adalah di antara tahun 2014 sehingga 2022. Artikel ini dianalisis menggunakan analisis tematik untuk mengekstrak tema yang berkaitan dengan cabaran dalaman dan luaran yang dihadapi oleh UKU.

3. DAPATAN EMPIRIKAL

Istilah cabaran boleh ditafsirkan dari pelbagai sudut. Dari sudut pengurusan, cabaran sering ditafsirkan sebagai tugas yang memerlukan usaha yang tinggi untuk memperoleh kejayaan dan hasil yang belum terjamin (Çalikoğlu, 2019). Menurut Safinah et al. (2020), cabaran bermaksud sesuatu atau perkara yang menguji kebolehan dan ketabahan seseorang yang ada kaitan dengan organisasi. Justeru, dapat disimpulkan bahawa cabaran merupakan halangan yang dihadapi oleh individu untuk mencapai kejayaan dalam sesuatu pekerjaan.

Dapatan menunjukkan terdapat dua cabaran utama yang mempengaruhi usahawan OKU dalam dunia keusahawanan iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor-faktor ini dibincangkan dalam sub topik di bawah:

Faktor Dalaman

Hasil sorotan literatur menunjukkan terdapat dua faktor dalaman iaitu individu UKU (peribadi) dan organisasi. Kedua-dua faktor ini merupakan penyumbang terbesar kepada cabaran untuk usahawan kurang upaya. Merujuk kepada Jadual 6 di bawah, cabaran peribadi terbahagi kepada lima (5) sub tema seperti keyakinan diri dan semangat yang rendah, kurang pengetahuan dan pendidikan, kurang pengalaman dan kemahiran, kurang kreativiti, dan sikap negatif. Manakala, cabaran organisasi (atau cabaran operasi) tertumpu kepada kesukaran untuk menghasilkan produk berkualiti kerana aspek kekangan kewangan.

i) Cabaran Individu (Peribadi)

Keyakinan Diri dan Semangat yang Rendah

Kebanyakan usahawan kurang upaya mempunyai keyakinan diri dan motivasi diri yang rendah (Abdullah, et al., 2016; Maritz & Laferriere, 2016; Dhar & Tahira, 2017). UKU juga menghadapi cabaran kekurangan keyakinan dan aspirasi dalam mengekalkan kejayaan dan usaha niaga (Dhar & Tahira Farzana 2017, Kitching, 2014). Selain itu, sebilangan UKU menghadapi masalah pembelajaran dan ketidakupayaan fizikal yang juga secara relatifnya telah mengakibatkan keyakinan diri yang rendah (Abdullah et al., 2018).

Kurang Ilmu Pengetahuan dan Pendidikan

Majoriti orang kurang upaya gagal menamatkan pendidikan mereka di peringkat sekolah menengah (Renko, Parker Harris & Caldwell, 2016; Shakespeare et al., 2019; Pérez-Macías, & Fernández-Fernández, 2021). Pendidikan OKU yang terhad telah mengurangkan peluang dan pengalaman mereka untuk meneroka, merancang, membangun dan meningkatkan usaha dalam menceburi profesion keusahawanan (Mota, Marques & Sacramento, 2020; Pérez-Macías, & Fernández-Fernández, 2021).

Kurang Pengalaman dan kemahiran

Cabaran peribadi ini merangkumi aspek kekurangan pengalaman dan kemahiran dalam mengurus dan melaksanakan perniagaan (Kitching, 2014; Dhar & Tahira, 2017). OKU selalunya tidak berpeluang menimba pengalaman yang diperlukan kerana bakat mereka dianggap kurang boleh digunakan apabila memasuki tenaga buruh kerana ketidak upaya mereka. Ini disebabkan oleh halangan yang mereka hadapi seperti aksesibiliti yang tidak mencukupi, diskriminasi, pengangkutan yang tidak mencukupi, dan kekurangan sokongan sosial daripada orang lain (Kitching, 2014).

Kurang kreativiti

UKU juga dikatakan kurang kreatif dan tidak mampu menyelesaikan masalah secara kreatif, dalam hal mempromosikan barangan dan perkhidmatan (Abdullah, Mohamad & Abu Bakar, 2016; Maritz & Laferriere, 2016; Dhar & Tahira, 2017).

Sikap negatif

Sikap negatif lain seperti tidak menunjukkan sikap dan tingkah laku yang positif, tidak mempunyai inisiatif sendiri yang tinggi, tidak berorientasikan kegigihan, perancangan perniagaan yang tidak sistematik dan nilai ketegasan yang rendah turut menjadi cabaran kepada UKU (Abdullah, Mohamad & Abu Bakar, 2016; Maritz). & Laferriere, 2016; Dhar & Tahira, 2017).

ii) Dalam Organisasi (Cabaran Operasi)

Cabaran operasi yang dihadapi oleh UKU ialah mereka tidak dapat menghasilkan produk akhir yang berkualiti. UKU menghadapi cabaran besar untuk menghasilkan produk berkualiti yang standing dengan produk pesaing disebabkan faktor kewangan (modal dan kos operasi) terutamanya (Dhar & Tahira, 2017). Ini memberi kesan kepada kebolehsaingan mereka dalam industri.

Jadual 6: Cabaran Dalaman Usahawan Kurang Upaya (UKU)

Cabaran Dalaman	Sumber
1) Dalam diri usahawan (peribadi): - Keyakinan diri dan semangat yang rendah - Kurang Ilmu Pengetahuan & Pendidikan - Kekurangan Pengalaman & Kemahiran - Kurang Kreatif	- Dhar & Tahira (2017), Abdullah et al. (2018), Abdullah et al. (2016), Maritz & Laferriere (2016), Kitching (2014) - Renko et al. (2016), Shakespeare et al. (2019), Kitching (2014), Wembei, et. al. (2017), Pérez Macías, & Fernández-Fernández (2021), Mota et al. (2020) - Dhar & Tahira (2017), Abdullah et al (2016), Kitching (2014) - Maritz & Laferrere (2016), Abdullah et al. (2016), Dhar & Tahira (2017)

- Sikap Negatif	- Ibrahim (2017), Abdullah et al. (2016), Maritz & Laferriere (2016)
2) Dalam organisasi- Cabaran operasi	- Dhar & Tahira (2017)

Faktor Luaran

Merujuk kepada Jadual 7, faktor luaran dibahagikan kepada enam (6) tema iaitu diskriminasi, kewangan/ekonomi, persekitaran perniagaan, infrastruktur yang lemah, kekurangan peluang mendapatkan latihan keusahawanan dan khidmat nasihat serta kekurangan sokongan kerajaan. Di bawah tema diskriminasi, terdapat tiga sub tema iaitu stigma komuniti, kurang akses kepada skim kredit dan diskriminasi oleh pengguna. Tema kedua iaitu kewangan/Ekonomi terbahagi kepada sub tema modal dan peralatan perniagaan. Manakala tema ketiga iaitu persekitaran perniagaan pula terbahagi kepada sub tema kekurangan kepakaran, kekurangan bimbingan strategik untuk bersaing dan kekurangan jaringan dengan program keusahawanan. Manakala, tema keempat iaitu infrastruktur yang lemah terbahagi kepada sub tema kesukaran mengakses teknologi maklumat dan kurang kemahiran menggunakan teknologi terkini. Akhir sekali, bagi tema kelima dan keenam, iaitu peluang yang lebih sedikit untuk mendapatkan latihan keusahawanan dan khidmat nasihat serta kekurangan sokongan kerajaan, tiada sub tema di bawahnya.

i) Cabaran Diskriminasi

Menurut Hackett et al., (2020) istilah diskriminasi sering dikaitkan dengan layanan tidak adil berdasarkan penilaian dan tindak balas kumpulan tertentu terhadap kumpulan demografi (contohnya, bangsa, etnik, jantina, agama dan status kesihatan). UKU sering didiskriminasi dan dipandang negatif oleh sesetengah masyarakat (Martin, & Honig, 2019;). Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa UKU boleh menjadi penghalang kepada individu lain kerana mereka sentiasa bergantung dan kurang kemahiran yang baik (Rozali et al., 2016; Shakespeare et al., 2019; Sarker, 2020). Akibatnya, UKU mendapat stigma dan disalahtafsirkan oleh sebahagian masyarakat dan individu normal yang lain. Keadaan ini menyebabkan mereka hilang motivasi, hilang semangat, tiada harapan, berfikiran negatif dan sering merasa terpinggir daripada perkhidmatan sosial seperti pendidikan, perkhidmatan kesihatan, akses kepada pengangkutan dan sebagainya (Martin, & Honig, 2019; Hackett et al., 2020; Sarker, 2020). Golongan ini sering didiskriminasi oleh masyarakat apabila menjalani kehidupan seharian kerana tidak mempunyai tahap hak yang sama seperti individu normal yang lain (Norstedt & Germundsson, 2021; Yidan Ma et al., 2022). Sedangkan mereka berpotensi tinggi untuk menyumbang kepada keuntungan dalam negara sekiranya bakat dan peluang mereka digilap sewajarnya (Yidan Ma et al., 2022).

ii) Cabaran Ekonomi/Kewangan

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa akses kepada modal merupakan cabaran yang sering dihadapi oleh usahawan kurang upaya dalam menjalankan dan menubuhkan perniagaan mereka (Dhar & Tahira, 2017, Widoyoko et al., 2018; Caldwell et al., 2019; Manziriri et. al 2017). UKU sering menghadapi kesukaran untuk membiayai syarikat yang baru ditubuhkan kerana sumber peribadi yang tidak mencukupi yang kebanyakannya terhad daripada keluarga, rakan dan dana peribadi (Dhar & Tahira, 2017, Maziriri et al., 2017; Maziriri & Madinga, 2016; Mohammed & Jamil, 2015). Sebagai contoh, terdapat kajian pada abad ke-21 di Sepanyol

menyatakan bahawa sebanyak 69.1 peratus daripada dana untuk memulakan perniagaan adalah hasil daripada simpanan peribadi, keluarga dan rakan-rakan (Pérez-Macías, & Fernández-Fernández, 2021; Klangboonkrong & Baines, 2022). Sementara itu, 18.2 peratus daripada bank dan 4.2 peratus daripada program awam (GEM, 2019).

Di samping itu, Mauchi et. al (2014) menyatakan kekurangan akses kepada modal, skim kredit dan kekangan sistem kewangan yang lemah sering dianggap sebagai penghalang utama kepada inovasi perniagaan dan kejayaan dalam membangunkan ekonomi dan membina perusahaan dalam dunia pekerjaan. Sumber modal yang kukuh adalah sangat penting bagi UKU untuk menubuhkan perusahaan, membangunkan perniagaan dan memanfaatkan peluang yang ada untuk terus maju dalam aktiviti ekonomi, sosial dan budaya (Widoyoko et al., 2018; Caldwell et al., 2019).

iii) Cabaran Persekitaran

Menurut Dhar dan Tahira (2017), kebanyakan UKU biasanya mempunyai perniagaan bersaiz kecil dan sederhana yang sangat terdedah kepada keadaan persekitaran turun naik ekonomi. Tambahan pula, mereka tidak mempunyai kepakaran yang diperlukan untuk menangani ketidakpastian ekonomi. Mereka juga kekurangan panduan strategik tentang cara menjangka, menyediakan dan menyesuaikan diri bagi perubahan dalam persekitaran ekonomi semasa.

iv) Infrastruktur yang lemah

Infrastruktur fizikal memberikan cabaran hebat kepada UKU. Dhar dan Tahira (2017) dalam kajian mereka di Bangladesh menyatakan sokongan infrastruktur untuk orang kurang upaya masih terhad. Selain itu, pengangkutan dan reka bentuk seni bina bangunan tidak mesra OKU. Infrastruktur perlu disediakan secukupnya untuk membantu usahawan kurang upaya mengurus dan melaksanakan perniagaan (Jaafar et al., 2017; Dhar & Tahira, 2017). Contohnya dalam scenario di Malaysia, laluan pejalan kaki, tempat letak kereta dan akses yang memudahkan pergerakan OKU adalah terhad. Kemudahan infrastruktur ini perlu dipertingkatkan agar ia selaras dengan aktiviti rutin usahawan kurang upaya untuk menjalankan perniagaan (Dhar & Tahira, 2017). Penyediaan kemudahan yang sesuai dapat membantu mereka melaksanakan tugas dengan baik dan teratur.

Seterusnya, akses kepada ketersediaan dan kebolehcapaian maklumat yang tepat dan betul menjadi cabaran bagi UKU. Dhar dan Tahira (2017) menyatakan kecanggihan teknologi masa kini menjadikan usahawan kurang upaya perlu mempelajari kegunaan dan tujuan perniagaan dalam bentuk e-perniagaan, e-dagang atau e-perbankan yang boleh menjadi akses pantas dan terkini kepada pelanggan. Realitinya mereka kurang kemahiran dalam menggunakan teknologi terkini.

iv) Kekurangan Latihan dan Khidmat Nasihat

Di Zimbabwe, UKU sering kekurangan kepakaran dalam pengurusan perniagaan, kewangan dan undang-undang perniagaan kerana pendidikan dan pengalaman yang terhad. Kekurangan pendidikan dan latihan merupakan cabaran utama kepada pertumbuhan perniagaan UKU dalam ekonomi (Maziriri et al 2017). UKU memerlukan latihan dari segi penyediaan pelan perniagaan, perancangan strategik, rundingan, penentuan harga, penembusan pasaran, pembuatan keputusan, pengurusan perniagaan dan sebagainya (Manziriri et. al 2017, Viriri & Makurumidze, 2014). Manakala, menurut Manziri et. al (2017), terdapat UKU di Afrika Selatan yang kekurangan pendidikan dan latihan. Pendidikan dan latihan diharapkan dapat meningkatkan keupayaan mereka untuk memanfaatkan peluang yang boleh meningkatkan

kesejahteraan mereka dalam masyarakat (Manziriri et al., 2017, Wairimu 2014). Kekurangan dalam pendidikan dan latihan juga merupakan halangan yang menghalang kejayaan perniagaan UKU di Afrika Selatan (Manziriri et. al 2017).

v) Kekurangan Sokongan Kerajaan

Kekurangan sokongan daripada kerajaan juga merupakan cabaran bagi UKU. Sebagai contoh, menurut penemuan Manziriri et al. (2017) di Afrika Selatan hanya sebilangan kecil UKU menyatakan bahawa mereka telah menerima sokongan daripada kerajaan. Bagaimanapun, sokongan kerajaan yang mereka terima tidak mencukupi untuk membolehkan mereka terus kekal dalam perniagaan.

Jadual 7: Cabaran Luaran Usahawan Kurang Upaya (UKU)

Cabaran Luaran	Sumber
1) Diskriminasi: - Stigma Komuniti - Kurang akses kepada skim kredit - Diskriminasi oleh pengguna	- Caldwell. et.al (2019), Mauchi, et.al (2014); Maziriri & Madinga (2016), Maritz & Laferrere (2016); Wembe, et.al (2017); Prasetya & Mawardi (2018), Martin & Honig (2019), Hackett et al. (2020), Rozali et al. (2016), Shakespeare et al. (2019), Sarker (2020), Hackett et al. (2020), Sarker (2020), Norstedt & Germundsson (2021), Yidan Ma et al. (2022)
2) Ekonomi/Kewangan - Modal - Peralatan Perniagaan	- Caldwell. et.al (2019); Klangboonkrong and Baines (2022); Widoyoko et.al (2018); Maziriri dan Madinga (2016), Prasetya dan Mawardi (2018), Dhar & Tahira (2017), Caldwell et al. (2019), Manziriri et al. (2017), Mohammed & Jamil (2015), Pérez-Macías, & Fernández-Fernández (2021), GEM (2019), Mauchi et. al (2014)
3) Persekitaran Perniagaan: - Kurang kepakaran - Kurang bimbingan strategik untuk bersaing - Kurang jaringan dengan program keusahawanan	- Dhar dan Tahira (2017), Maritz dan Laferrere (2016), Caldwell. et.al (2019)
4) Infrastruktur yang lemah: - Kemudahan infrastruktur - Sukar mendapat akses kepada teknologi maklumat - Kurang kemahiran menggunakan teknologi terkini	- Jaafar et al. (2017); Dhar & Tahira (2017), Klangboonkrong & Baines (2022)
5) Kurang peluang untuk mendapatkan latihan keusahawanan dan khidmat nasihat	- Caldwell. et.al (2019), Klangboonkrong & Baines (2022), Maziriri et al. (2017), Viriri & Makurumidze (2014)
6) Kurang sokongan kerajaan	-Maziriri & Madinga (2016)

4. PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Usahawan kurang upaya merupakan sebahagian daripada rakyat dan warganegara yang turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Mereka memerlukan sokongan daripada kerajaan dan pelbagai pihak bagi memastikan taraf hidup mereka meningkat terutama melalui bidang keusahawanan. Di peringkat antarabangsa, kebanyakan negara maju telah menyediakan perkhidmatan sokongan pekerjaan selama lebih daripada 30 tahun. Ini bagi

membantu golongan ini mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik (Syahrina Abdullah et al. (2018).

Dari perspektif Malaysia, adalah dicadangkan agar pertubuhan kerajaan dan bukan keuntungan (NGO) di negara ini memperhebatkan program sokongan untuk membantu meningkatkan ekonomi UKU. Ini selari dengan pandangan Syahrina et al. (2018) yang menyatakan golongan OKU di Malaysia memerlukan perhatian dan sokongan utama daripada kerajaan, NGO dan industri. Sokongan dan bantuan daripada pelbagai pihak dapat meningkatkan taraf hidup mereka ke arah yang lebih baik terutamanya melalui pendidikan khususnya pendidikan keusahawanan agar mereka dapat bekerja dalam kumpulan masyarakat biasa pada masa hadapan.

Jaringan sosial dilihat sebagai faktor penting yang boleh mempengaruhi usahawan kurang upaya. Rangkaian sosial boleh membantu usahawan mencari peluang secara bijak dan memudahkan akses dalam mengetahui corak pasaran atau industri tertentu. Sebagai contoh, rangkaian sosial boleh dilaksanakan melalui program latihan keusahawanan yang dirancang dengan teliti dari segi masa, lokasi, jenis latihan dan infrastruktur untuk mencapai matlamat perniagaan (Maritz & Laferriere, 2016; Pérez-Macías, & Fernández- Fernández, 2021). Selain itu, program mentor-mentee boleh diaplikasikan antara industri dan UKU dalam menyediakan khidmat nasihat, maklumat dan sokongan pengetahuan.

Seterusnya, kerajaan juga boleh menyediakan pelbagai bentuk sokongan kewangan kepada UKU. Sebagaimana menurut Caldwell et al. (2019) dan Brožová (2019) sokongan kewangan boleh diberikan dalam bentuk geran, pinjaman, pinjaman bersubsidi atau jaminan pinjaman kepada penyedia kredit, kredit cukai dan pengecualian daripada yuran pendaftaran perniagaan. Modal kewangan yang stabil boleh meningkatkan tahap penyertaan UKU untuk menjana pendapatan mereka, mengukuhkan keyakinan diri dan membantu mereka melibatkan diri dalam kumpulan komuniti. Walaupun kerajaan telah mewujudkan beberapa dasar dan program untuk UKU, ianya perlu dipertingkatkan lagi. Kerajaan dan kumpulan advokasi harus memikirkan bagaimana untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan dan keperluan untuk pengetahuan dan kemahiran pengurusan perniagaan. Mereka juga harus menggalakkan pembangunan pendidikan dan kursus bersepadu untuk usahawan kurang upaya.

Institut Pengajian Tinggi yang berkaitan juga dicadangkan menjalankan program seperti Program Transformasi Orang Kurang Upaya melalui Edu-Entrepreneur, Edu-Tourism dan sebagainya. Sebagai contoh, Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Yayasan EMKAY dan Yayasan Pulau Banding pernah menjalankan "Program Transformasi OKU Melalui Edu-Tourism" (Syahrina Abdullah et al. 2018). Program ini melibatkan pemindahan ilmu daripada ahli akademik UUM kepada rakan industri dan seterusnya pihak industri akan memindahkan ilmu tersebut kepada peserta yang terdiri daripada golongan muda OKU di Malaysia. Program ini dapat membantu golongan tersebut meningkatkan kemahiran diri, membuka peluang pekerjaan khususnya sebagai usahawan dalam bidang pelancongan dan menghadapi alam pekerjaan sebenar (Syahrina Abdullah et al. 2018).

Sokongan latihan menggunakan e-perniagaan, e-dagang atau e-perbankan untuk tujuan perniagaan bagi memudahkan akses pantas kepada pelanggan juga harus dipelajari oleh UKU. Kemudahan ini perlu disediakan untuk membantu UKU mengakses internet dengan cekap dan berkesan. Contohnya, penyediaan perkhidmatan elektronik dan kandungan perniagaan berasaskan web boleh mengandungi bahan dan input berguna untuk UKU. Menyedari tahap pendidikan dan latar belakang OKU yang terhad, maka penggunaan teknologi ini boleh

dijayakan melalui kecanggihan telefon bimbit, *tablet*, komputer riba dan komputer yang amat memerlukan latihan dan bimbingan yang sewajarnya oleh penyedia latihan yang bertanggungjawab dan berkelayakan untuk membantu dalam menguasai perniagaan digital (Maritz, & Laferriere, 2016; Cooney & Licciardi, 2019; Klangboonkrong & Baines, 2022). Bentuk sokongan baharu mungkin perlu diwujudkan sebagai tambahan kepada teknik sokongan yang sedia ada untuk memastikan orang kurang upaya mendapat akses kepada ekonomi pada tahap yang sama seperti mereka yang normal.

Selain itu, latihan ialah sumber penting untuk membantu UKU bertindak balas dengan lebih pantas dalam mendepani cabaran dan halangan perniagaan. Oleh itu, pendekatan latihan yang relevan seperti skop perniagaan, perancangan strategik, penyediaan pelan perniagaan, membuat keputusan, penetapan harga, penembusan pasaran, pengurusan tenaga kerja, pengenalpastian pasaran, analisis kos, unjuran kewangan, pelan pemasaran, penyimpanan rekod, rancangan perniagaan dan pengurusan aliran tunai adalah sangat signifikan untuk menghasilkan UKU yang kompetitif dan serba boleh (Viriri & Makurumidze, 2014; Gilman, 2014; Kefale & Hussein, 2020).

Seterusnya, UKU memerlukan pakar yang boleh memberikan kaunseling dalam memahami sensitiviti mereka. Khidmat nasihat yang disediakan melalui pelbagai pakar yang bertaualiah sangat berguna untuk memajukan kemahiran UKU, membina tahap keyakinan dan mengeksploitasi peluang perniagaan (Caldwell et al., 2019). Kemudahan ini dapat membantu mereka berasa lebih dihargai dan dihargai.

Selain itu, sikap negatif pihak tertentu yang sering memandang rendah terhadap kepincangan UKU sama ada dari segi fizikal mahupun mental akan menyebabkan mereka tersisih dan terpinggir daripada masyarakat. Ini akan memberi impak kepada perkembangan minda dan jati diri mereka terutama dalam berniaga seperti usahawan normal yang lain. Oleh itu, sikap seperti ini perlu dielakkan bagi mewujudkan kesaksamaan dan mengurangkan jurang taraf hidup antara masyarakat.

Sokongan daripada ahli keluarga juga amat diperlukan oleh UKU (Caldwell et al., 2019; Mota et al., 2020; Pérez-Macías, & Fernández-Fernández, 2021). Antara sokongan keluarga yang baik termasuklah memberi kasih sayang dan perhatian, nasihat, dorongan, pertimbangan, bersikap terbuka, sentiasa memberi idea dan cadangan yang bernas. Elemen ini dipercayai dapat membantu meningkatkan daya tahan dan tahap kesejahteraan UKU untuk mengurus tingkah laku dan psikologi mereka dengan cekap dan berkesan (Caldwell et al., 2019; Parker Harris & Renko, 2019; Mota, et al., 2020; Pérez-Macías, & Fernández-Fernández, 2021). Justeru, pendekatan ini amat penting untuk mewujudkan sikap positif terhadap diri sendiri dan juga tindak balas yang positif daripada masyarakat (Renko et al., 2016; Thomas et al., 2017).

Akhir sekali, dalam senario di negara ini, walaupun Malaysia mempunyai beberapa usahawan kurang upaya yang berjaya, ia masih jauh ketinggalan berbanding usahawan normal. Bahkan, isu yang berkaitan usahawan UKU ini adalah topik yang kurang ditekankan dan diambil cakna oleh penyelidik-penyelidik di Malaysia. Justeru penulis mencadangkan agar lebih banyak kajian empirikal dilaksanakan untuk menyokong penggubal dasar dalam membangunkan program-program yang bersesuaian bagi menyokong pertumbuhan dan kejayaan usahawan kurang upaya serta mengembangkan prospek keusahawanan mereka.

Rujukan

- Ab Rahman, A., Shamsuddin, S. S.S., Nozlan, N. N., & Abd Shakor, M. F. (2020). Pandemik COVID-19: cabaran pengajaran dan pembelajaran (pdp) pendidikan islam dalam pendidikan khas bagi pelajar orang kurang upaya (oku) masalah pembelajaran di Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5(June 2021). e-ISSN 2590-3799.
- Abdullah, S., Abu Bakar, L.J., & Mohamad, A. (2018). Program transformasi OKU melalui edu-tourism: Isu dan cabaran bagi meningkatkan kompetensi keusahawanan dalam kalangan belia OKU. *International Journal of Accounting, Finance and Business*, 3(7), 13-26. eISSN: 0128-1844.
- Aizan Sofia Amin, & Jamiah Manap. (2015). Geografi, kemiskinan dan wanita kurang upaya di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11(7), 82 – 91. ISSN 2180-2491
- Abdullah, S., Mohamad, A., Abu Bakar, L.J. (2016). Program transformasi OKU melalui edu-tourism: Satu tinjauan terhadap kompetensi keusahawanan orang kelainan upaya (OKU), *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 2 (3).
- Ashley, D., & Graf, N. M. (2017). *The process and experiences of self-employment among people with disabilities: a qualitative study. Rehabilitation Counselling Bulletin*, 61(2), 90–100. doi:10.1177/0034355216687712
- Barot, H. (2015, January). Entrepreneurship - a key to success. *The International Journal of Business and Management*, 3(1), 163-165.
- Berita Harian. (2021, October 12). *Kaji semula dasar pekerja OKU*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/875511/kaji-semula-dasar-pekerja-oku>
- Brožová, S. (2019). The nature and legal effects of shareholders agreements in the Czech and Slovak private law and its interpretation. *European Scientific Journal*, 15(31). <https://doi.org/10.19044/esj.2019.v15n31p1>
- Caldwell, K., Harris, S. P., & Renko, M. (2019). Inclusive management for social entrepreneurs with intellectual disabilities: “How They Act”. *Journal of Applied Research in Intellectual Disabilities*, doi:10.1111/jar.12662 10.1111/jar.12662
- Caldwell, K., Harris, S. P., & Renko, M. (2019). Inclusive Outcomes for Social Entrepreneurs with Intellectual Disability: “What Happens When They Act. *Inclusion*, 7(4), 204–219. doi:10.1352/2326-6988-7.4.204
- Çalıkoğlu, B.S (2019). Challenge-oriented behavior types: A new explanation. *International Electronic Journal of Elementary Education*, 12 (2), 197-204. doi: 10.26822/iejee.2019257667
- Chang, W.L., & Chen, S.T. (2015). The impact of World Café on entrepreneurial strategic planning capability. *Journal of Business Research*, 68(6), 1283–1290. doi: 10.1016/j.jbusres.2014.11.02
- Cooney, T. M., & Licciardi, M. (2019). The same but different: Understanding entrepreneurial behaviour in disadvantaged communities. *Entrepreneurial Behaviour*, 317–345. doi:10.1007/978-3-030-04402-2_13
- Dhar, S., & Farzana, T. (2017). Barriers to entrepreneurship confronted by persons with disabilities: an exploratory study on entrepreneurs with disabilities in Bangladesh. *Management Development*, 31(2), 73-96.
- Dhar, S., & Farzana, T. (2017). Entrepreneurs with disabilities in Bangladesh: An exploratory study on their entrepreneurial motivation and challenges. *European Journal of Business and Management*, 9(36).

- Ezarina Zakaria et al. (2018, November 12-15). *Cabaran memulakan perniagaan: kajian kes dalam kalangan wanita kurang upaya fizikal* [Proceedings]. The 7th International Conference on Social Sciences and Humanities (ICOSH-UKM 2018), Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Falco, P., & Haywood, L. (2016). Entrepreneurship versus joblessness: Explaining the rise in self-employment. *Journal of Development Economics*, 118 (January 2016), 245-265.
- GEM. (2019, October 24). *GEM global reports*. Global entrepreneurship monitor. <http://www.gem-spain.com/wp-content/uploads/2019/05/GEM2018-2019.pdf/>
- Gilman, K. (2014). Lessons from the trenches: How to make self-employment work for people with disabilities. *Work*, 48(1), 137–140. doi:10.3233/wor-131817
- Hackett, R.A., Steptoe, A, Lang, R.P., & Jackson, S. (2020). Disability discrimination and well-being in the United Kingdom: A prospective cohort study. *BMJ Open*. doi:10.1136/bmjopen-2019-035714
- Halabisky, D. (2014). Entrepreneurial activities in Europe – entrepreneurship for people with disabilities. Surrey, UK: OECD Publishing.
- Harris, P., Sarah, Caldwell K., & Renko, M. (2014). Entrepreneurship by any other name: self-sufficiency versus innovation. *Journal of Social Work in Disability & Rehabilitation*, 13(4), 317–349. <https://doi.org/10.1080/1536710X.2014.961115>
- Hessels, J., & Naudé, W. (2019). The intersection of the fields of entrepreneurship and development economics: a review towards a new view. *Journal of Economic Surveys*, Wiley Blackwell, 33(2), 389-403. doi: 10.1111/joes.12286
- Hussain, A. S., & Dawood, S. R. S. 2020. Keusahawanan wanita di Kelantan berteraskan model ekonomi baru: Hala tuju dan cabaran. *Journal of Social Sciences & Humanities*. Vol. 17. No.4 (2020), 124-148. ISSN: 1823-884x.
- Hwang, S. K., & Roulstone, A. (2015). Enterprising? Disabled? The status and potential for disabled people’s microenterprise in South Korea. *Disability & Society*, 30(1), 114–129. doi:10.1080/09687599.2014.993750
- Jaafar, H. J., Wahab, H. A., & Yaacob, N. (2017). Amalan pengurusan pekerja kurang upaya dalam sesebuah organisasi berdasarkan undang-undang di Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 51. <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2017-51-12>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Official Portal. (2022). Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. *Pendaftaran orang kurang upaya*. <https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/STATISTIK%2031122022.pdf>
- Juliyani, E. 2016. Etika Bisnis Dalam Persepektif Islam. *Jurnal Ummul Qura* VII (1):63-74.
- Kefale, D., & Hussein, F. (2020). Challenges of entrepreneurs live with disabilities to establish and expand their own business in case of Guraghe zone, Ethiopia. *Management*, 10(2), 55-69. doi: 10.5923/j.mm.20201002.03
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2018). *Laporan tahunan majlis kebangsaan bagi orang kurang upaya 2018*. Jabatan Kebajikan Masyarakat; Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya. <https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/Portal%20LT%20MKBOKU%202018.pdf>
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (1 Julai, 2014). *Akta Orang Kurang Upaya 2008, Akta 685*. (2008). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad
- Kitching, J. (2014). *Entrepreneurship and self-employment by people with disabilities*. Centre for Entrepreneurship, SMEs, Tourism and Local Development, 1-27.

- Klangboonkrong, T., & Baines, N. (2022). Disability entrepreneurship research: Critical reflection through the lens of individual-opportunity nexus. *Strategic Change*, Wiley, 1–19. <https://doi.org/10.1002/jsc.2513>
- Le, A. (1999). Empirical studies of self-employment. *Journal of Economic Surveys*, 13, 381–416.
- Wei Sieng, L., & Mainor, N. A. (2022). Perspektif Pelajar terhadap Budaya Bekerja Sendiri. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(2). Retrieved from <https://spaj.ukm.my/personalia/index.php/personalia/article/view/180>.
- Mauchi, F.N., Mutengezanwa, M., & Damiyano, D. (2014). Challenges faced by women entrepreneurs: A case study of Mashonaland Central Province. *International Journal of Development and Sustainability*, 3(3), 466-480.
- Maritz, A., & Laferriere, R. (2016). Entrepreneurship and self-employment for people with disabilities. *Australian Journal of Career Development*, 25(2), 45–54, doi:10.1177/1038416216658044
- Martin, B. C., & Honig, B. (2019). Inclusive management research: Persons with disabilities and self-employment activity as an exemplar. *Journal of Business Ethics*. doi:10.1007/s10551-019-04122-x
- Maziriri, E.T., Madinga, W., & Lose, T. (2017). Entrepreneurial barriers that are confronted by entrepreneurs living with physical disabilities: a thematic analysis. *Journal of Economics and Behavioral Studies*, 9(1), 22-45.
- Maziriri, E. T., & Madinga, N. W. (2016). A qualitative study on the challenges faced by entrepreneurs living with physical disabilities within the Sebokeng, Township of South Africa. *International Journal of Research in Business Studies and Management*, 3(5), 1-13.
- Ministry of Women, Family and Community Development of Malaysia (MWFCDD). (2016).
- Mohammed, A. U., & Jamil, S. A. (2015). Entrepreneurial barriers faced by disabled in India. *Asian Social Science*, 11(24), 72-78.
- Mohd Aariffin & Norazmi Anas. 2021. Populariti Aktiviti Keusahawanan Institusi Tahfiz Swasta (ITS) di Malaysia. *Jurnal Sains Insani*. Vol 6(3): 197-203.
- Mota, I., Marques, C., & Sacramento, O. (2020). Handicaps and new opportunity businesses: What do we (not) know about disabled entrepreneurs? *Journal of Enterprising Communities: People and Places in the Global Economy*, 14(3), 321–347. doi:10.1108/jec-12-2019-0120 10.1108/JEC-12-2019-0120
- MyGovernment Official Portal. (2022). *Person with Disabilities*. <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30739> (2022)
- Norstedt, M., & Germundsson, P. (2021). Motives for entrepreneurship and establishing one’s own business among people with disabilities: Findings from a scoping review. *Disability & Society*, 1–20. doi:10.1080/09687599.2021.1919504
- Pérez-Macías, N., & Fernández-Fernández, J.L. (2021). Personal and contextual factors influencing the entrepreneurial intentions of people with disabilities in Spain. *Disability & Society*, 1–23. doi:10.1080/09687599.2021.1874302
- Renko, M., Parker Harris, S., & Caldwell, K. (2016). Entrepreneurial entry by people with disabilities. *International Small Business Journal*, 34(5), 555–578. doi:10.1177/0266242615579112

- Rozali, N., Yaacob, B., Manshor, Z., Abdullah, S., Bahari, A. (2016). Keusahawanan sosial dalam atasi masalah peluang pekerjaan golongan orang kurang upaya (OKU). *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 2(4), 22–29
- Sarker, D. (2020). Discrimination against people with disabilities in accessing microfinance. *Alter*. doi:10.1016/j.alter.2020.06.005
- Safinah Ismail, Rosmawati Mohamad Rasit, Zulkefli Aini, Nazneen Ismail, & Noraini Mohamad. (2020). Cabaran komunikasi ibu bapa dalam keluarga muslim di Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(1), 67-77. <https://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/34>
- Sarimah Hanim Aman Shah, Sharida Zaina Shafie & Soon C.T.L. 2016. *Enterpreneurship*. Ed ke-4. Kuala Lumpur. Penrbit Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Schumpeter, J. A. (2000). Entrepreneurship as innovation. *Entrepreneurship: The Social Science View*, 1, 51–75.
- Shakespeare, T., Mugeere, A., Nyariki, E., & Simbaya, J. (2019). Success in Africa: People with disabilities share their stories. *African Journal of Disability*, 8, doi:10.4102/ajod.v8i0.522
- Shalini. S., & Wee. S. T. (2011). *Kajian penyediaan fasiliti orang kurang upaya (oku) di institusi kerajaan di Nusajaya, Johor Bahru*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Svidron, L. M. (2021). Entrepreneurship as an employment option for people with disabilities: Adding information to your job development. *Journal of Vocational Rehabilitation*, 54(3), 285–288. doi:10.3233/jvr-211138
- Syahrina Abdullah, Lily Julienti Abu Bakar, & Armanurah Mohamad. (2018). Program transformasi oku melalui edu-tourism: Isu dan cabaran bagi meningkatkan kompetensi keusahawanan dalam kalangan belia OKU. *International Journal of Accounting, Finance and Business*, 3(7), 13-26. eISSN: 0128-1844
- The News Straits Times (2021). *Only four ministries comply with one percent OKU employment policy [NSTTV]*. <https://www.nst.com.my/news/nation/2021/11/746449/>
- Thomas, P. A., Liu, H., & Umberson, D. (2017). Family Relationships and well-being. *Innovation in Aging*, 1(3). <https://doi.org/10.1093/geroni/igx025>
- Tiun, L. T., & Khoo, S. L. (2013). Challenges Faced by Malaysians with Disabilities in the World of Employment. *Disability CBR & Inclusive Development*, 24(1), 6-21. doi 10.5463/DCID.v24i1.142
- Undang-Undang Malaysia. (1 Julai, 2014). *Akta 685: Akta orang kurang upaya 2008*.
- Viriri, P., & Makurumidze, S. (2014). Engagement of disabled people in entrepreneurship programmes in Zimbabwe. *Journal of Small Business and Entrepreneurship Development*, 2(1), 1–30.
- Wairimu, G. J. (2014). *Relevance of vocational courses for trainees with physical disabilities to market demands at Muriranjias and Nyandarua centres, Murang'a and Nyandarua counties, Kenya* [Doctoral dissertation, Kenyatta University, Nairobi City, Kenya].
- Widoyoko, E.P., Setiawan, B., Sholeh, K., & Ibnu Shina, M. (2018). Model of entrepreneurship for people with disabilities. *SHS Web of Conferences*, 54. <https://doi.org/10.1051/shsconf/20185406008>
- World Bank. (2023). <https://www.worldbank.org/en/topic/disability>
- World Health Organization (WHO). (2022, December 2). *Disability*. <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/disability-and-health>

- World Health Organization (WHO). (2022). *Health: Disabilities*. https://www.who.int/health-topics/disability#tab=tab_1
- World Health Organization (WHO). (2022, December 2). *Launch of the WHO global report on health equity for persons with disabilities*. 74th World Health Assembly. <https://www.who.int/news-room/events/detail/2022/12/02/default-calendar/launch-of-the-who-global-report-on-health-equity-for-persons-with-disabilities>
- Yahaya Ibrahim. 2014. *Keusahawanan dan Daya Saing Dalam Sektor Pelancongan Pulau Terengganu*. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Yidan Ma, Weifeng Xue, Qin Liu, & Yin Xu. (2022). Discrimination and deaf adolescents' subjective well-being: the role of deaf identity. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education*. <https://doi.org/10.1093/deafed/enac013>